PENGERTIAN ISLAM & IMAN

OLEH:

Abu Farouq Rasul Bin Dahri
Tel:
012-7713635
019-7783635
(Rumah) 07-3353635
(Pejabat) 07-3345204

بســـم الله الرحمن الرحيم

إِنَّ الْحَمْدَ لِلّٰهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

{يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ} .

{يَا اَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِى خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَاءًا وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَاءَلُوْنَ بِهِ وَالاَرْحَامَ اِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا} .

{يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا}

. اَمَّا بَعْدُ : فَاِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَاَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الاُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِي النَّارِ.

PENGERTIAN ISLAM & IMAN

Sumber mengenal Islam dan iman adalah dari al-Quran dan as-Sunnah sebagaimana sabda Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوْا بَعْدَهُمَا كِتَابَ اللهِ وَسُنَّتِيْ وَلَنْ يَتَفَرَّقَا حَتَّى يَرِدَعَلَيَّ الْحَوْضُ

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, selagi kamu berpegang dengan keduanya, kamu tidak akan sesat buat selamanya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku. Tidak akan bercerai-berai sehingga keduanya menghantarku ke telaga di syurga".[1]

Hanya Agama Islam Diterima Oleh Allah

Sesungguhnya hanya agama Islam sahaja yang diterima oleh Allah. FirmanNya:

اِنَّ الدِّيْنَ عِنْدَ اللهِ الْاِسْلاَمُ.

"Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam".[2]

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْاِسْلاَمِ دِيْنًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى الآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ.

"Sesiapa yang mencari selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi".[3]

وَاُمِرْتُ اَنْ اَسْلَمَ لِرَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

"Dan aku diperintahkan supaya (menjadi seorang Islam) tunduk patuh kepada Tuhan semesta alam".[4]

---

1. Hadis ini disahihkan oleh Syeikh Nasruddin Al-Albani dalam kitab Al-Jami'.
2. Ali Imran. 3:19
3. Ali Imran. 3:85.
4. Al-Mukmin. 40:66.

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا ادْخُلُوْا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً.

"Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya!".[5]

اَلْيَوْمَ اَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيْنَكُمْ وَاَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِيْ وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْاِسْلاَمَ دِيْنًا.

"Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmatKu dan telah Ku redai Islam itu jadi agama bagimu".[6]

RUKUN ISLAM

Rukun Islam lima perkara sebagaimana sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam:*

اِنَّ الْاِسْلاَمَ بُنِيَ عَلَى خَمْسٍ ، شَهَادَةِ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ ، وَاَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ ، وَاِقَامِ الصَّلاَةِ ، وَاِيْتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَصِيَامِ رَمَضَانَ ، وَحَجِّ الْبَيْتِ.

"Dibina Islam di atas lima perkara, mengaku bahawa tidak ada tuhan yang diibadahi kecuali Allah dan Muhammad Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadan".[7]

Apa itu Islam?

Pengertian Islam telah dijelaskan oleh Syeikh Muhammad al-Wasibi iaitu:

---

[5]. Al-Baqarah. 2:208.

[6]. Al-Maidah. 5:3.

[7]. H R Bukhari dalam "Al-Iman" (1/8). Dan Muslim dalam "Al-Iman" (1/45). **Perhatian:** Dalam hadis ini didahulukan haji dari puasa adalah hadis yang *"muttafaq 'alaihi"* dan juga terdapat dalam hadis riwayat Bukhari dan Muslim. Adapun didahulukan haji pada salah satu riwayat Muslim.

اَلاِسْلاَمُ هُوَ اْلاِسْتِسْلاَمُ لِلّٰهِ بِالتَّوْحِيْدِ ، وَالاِنْقِيَادُ لَهُ بِالطَّاعَةِ ، والْخُلُوْصُ مِـنَ الشِّـرْكِ وَالْبِدَعِ وَاَهْلِهِمَا

"Islam itu ialah: Kembali atau Penyerahan diri kepada Allah dengan bertauhid, menyelamatkan diri dengan (menyerahkan) ketaatan kepadaNya, membersihkan diri dari kesyirikan, (menjauhkan diri dari) perkara yang bid'ah dan ahli dari keduanya (ahli syirik dan ahli bid'ah).[8]

Pengertian Islam di segi bahasa dan syarak boleh difahami melalui Firman Allah:

اَفَغَيْرَ دِيْنِ اللهِ يَبْغُوْنَ وَلَهُ اَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمٰوَاتِ وَاْلاَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَاِلَيْهِ يُرْجَعُوْنَ.

*"Maka apakah mereka mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepadaNyalah **berserah diri** segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka maupun terpaksa dan hanya kepada Allahlah mereka dikembalikan".*[9]

وَاَنِيْبُوْا اِلَى رَبِّكُمْ وَاَسْلِمُوْا لَهُ مِنْ قَبْلِ اَنْ يَاْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ لاَ تُنْصَرُوْنَ.

*"Dan kembalilah kamu kepada Tuhanmu, dan **berserah dirilah** kepadaNya sebelum datang azab kepadamu kemudian kamu tidak dapat ditolong (lagi)."*[10]

فَلاَ تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

*"Maka janganlah kamu mati kecuali dalam keadaan memeluk agama Islam **(menyerah diri kepada Allah)** ".*[11]

---

8. Lihat: القول المفيد في ادلة التوحيد hlm. 24. Muhammad bin Abdul Wahab bin 'Ali al-Yamani al-Wasabi al-Abdali. Maktabah ad-Diyak.
9. Ali Imran. 3:83.
10. Az-Zumar. 39:54.
11. Al-Baqarah. 2:132.

وَاُمِرْتُ اَنْ اَكُوْنَ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ.

"Dan aku disuruh supaya aku termasuk golongan orang-orang yang ***berserah diri*** *(kepadaNya)".*[12]

Seseorang itu hanya dinamakan beragama Islam (Muslim) setelah berserah diri kepada Allah. FirmanNya:

اَلَّذِيْنَ ءامَنُوْا بِاَيَاتِنَا وَكَانُوْا مُسْلِمُوْنَ.

"(Iaitu) orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami dan adalah mereka dahulu orang-orang yang berserah diri".[13]

RUKUN IMAN

Rukun Iman enam perkara iaitu berdasarkan sabda Rasulullah:

اَلاِيْمَانُ اَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ وَمَلاَئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الاَخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ.

"Iman itu ialah mengimani Allah, para MalaikatNya, Kitab-KitabNya, para RasulNya, Hari Akhir dan beriman dengan Qadar sama ada yang baik atau yang buruk".[14]

Apa Itu Iman?

Iman didefinisikan:

اَلاِيْمَانُ : نُطْقٌ بِاللِّسَانِ ، وَاعْتِقَادٌ بِالْجَنَانِ ، وَعَمَلٌ بِالْجَوَارِحِ وَالاَرْكَانِ ، وَيَزِيْدُ بِالطَّاعَةِ وَيَنْقُصُ بِالْمَعْصِيَةِ.

---

[12]. Yunus. 10:72.
[13]. Az-Zikhruf. 43:69.
[14]. H/R Muslim.

"Iman itu: Pengucapan dengan lisan, iktikad di hati, beramal dengan seluruh anggota badan, ia bertambah dengan ketaatan (ibadah) dan berkurangan dengan kemaksiatan".[15]

Iman dimaksudkan juga:

(1) Keyakinan atau keimanan iaitu: *Ikatan tauhid yang kukuh, teguh dan kuat sehingga memantapkan keyakinan seseorang terhadap Allah Subhanahu wa-Ta'ala, para MalaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari akhirat dan keyakinan terhadap penentuan qada' dan qadarNya, sama ada yang baik atau yang buruk semuanya dari Allah Subhanahu wa-Ta'ala".*

(2) *"Akidah"* boleh memberi maksud *"Iman"* kerana ia dimaksudkan juga oleh para ulama tauhid sebagai: *"Kepercayaan/Pembenaran (اَلتَّصْدِيْق)".* Namun, iman tidak boleh diseertikan dengan kalimah tasdiq (اَلتَّصْدِيْق) *"Percaya",* kerana tasdiq hanya setakat percaya dan seseorang yang percaya tidak semestinya beriman,

اَلتَّصْدِيْقُ الْجَازِمُ وَالْاِعْتِرَافُ التَّامُ بِجَمِيْعِ مَا اَمَرَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ بِالْاِيْمَانِ بِهِ.

"Kepercayaan yang teguh/mantap (positif) dan pengiktirafan yang sempurna pada segala apa yang telah diperintahkan oleh Allah dan RasulNya sehingga ditaati dengan sepenuh keyakinan pada setiap apa yang telah disyariatkan".[16]

Akidah tauhid pula dapat diertikan:

"Mengaku dengan sebenar-benar pengakuan dan keyakinan bahawa Dialah Tuhan Yang Al-Awallu wal-Akhiru (اَلْاَوَّلُ وَالْآخِرُ) (Yang Awal dan Yang Akhir), Dialah Zahir, Dialah di atas segala-galanya sehingga tidak ada sesuatu pun yang berada di atasNya dan Dialah juga Batin sehingga tidak ada lagi yang di bawahNya".

---

[15]. Lihat: القول المفيد في ادلة التوحيد hlm. 26. Muhammad bin Abdul Wahab bin 'Ali al-Yamani al-Wasabi al-'Abdali. Maktabah ad-Diyak.

[16]. Lihat: المجموعة الكاملة لمؤلفات الشيخ عبدالرحمن بن ناصر السعدي Hlm. 89.

Iman berupa pengucapan dengan lisan (قَوْلٌ بِاللِّسَانِ), amalan luaran (عَمَلُ الْجَوَارِحِ والاركان) atau amalan (kerja) hati (عَمَلُ الْقَلْبِ) sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Hibban:

"Sesungguhnya cabang-cabang iman itu setelah diperinci ia meliputi amal lisan (قَوْلٌ بِاللِّسَانِ), *amal badan/luaran* (عَمَلُ الْجَوَارِحِ) *dan amal hati* "(عَمَلُ الْقَلْبِ). Ini dapat diperjelaskan lagi bahawa:

1- Iman yang berupa qaul قَوْلٌ *"Ucapan/perkataan/pengakuan".* Iaitu dengan cara (قَوْلٌ بِاللِّسَانِ) *"Ucapan (Perkataan, Pengakuan pengikraran) yang lahir dari lisan yang terbit (untuk menggambarkan) apa yang terdapat di hati tentang apa yang dipercayai(diyakini) sehingga diikrarkan dengan perkataan".*[17]

Qaul bil-Lisan (قَوْلٌ بِاللِّسَانِ) disebut juga oleh ahli ilmu: *"Amal Lisan"* .(عَمَلُ اللِّسَانِ)
Penjelasan ini berdasarkan firman Allah:

قُوْلُوْا آمَنَّا بِاللهِ.

"Katakanlah/ucapkanlah kami beriman dengan Allah".[18]

Contoh amal lisan ialah: Mengucapkan dua kalimah syahadah, membaca al-Quran, belajar atau mengajarkan ilmu, beristighfar dan sebagainya.

2- Amal yang berupa (عَمَلٌ) *"Perbuatan".* Iaitu dengan cara amal al-jawarih (عَمَلُ الْجَوَارِحِ) *"Amalan anggota tubuh badan seperti mengerjakan segala apa sahaja perintah Allah dan meninggalkan segala tegahanNya".*[19]

Sesiapa yang sengaja menambah amal yang berkaitan dengan iman apa yang bukan dari urusan keimanan maka dia telah melakukan bid'ah dalam akidah.[20]

---

17. Lihat: اعتقاد الأئمة الأربعة ابى حنيفة ومالك والشافعى واحمد hlm. 54. Muhammad bin Abdulrahman al-Khumyis.
18. Al-Baqarah. 2:136.
19. Lihat: مجمل اصول اهل السنة والجماعة فى العقيدة Hlm. 19. Dr. Nasruddin.
20. Ibid.

Contoh amal badan (الْجَوَارِحْ) ialah: Sembahyang, puasa, zakat, haji, beriktikaf, bersuci, berjihad dan yang lain-lainnya.

3- Iktikad (اِعْتِقَادْ) di hati bererti: *"Kepercayaan atau keyakinan yang tersemat di dalam hati".* Iktikad di hati dikenali juga oleh ahli ilmu sebagai *qaul al-qalb* (قَوْلُ الْقَلْبِ) *"Ucapan/bisikan hati"* iaitu:

"Berpunca dari iktikad di hati sehingga membuktikan atau mengwujudkan (Bisikan/Pengikraran) amalan hati yang mana tanda pembenarannya ialah dengan tunduk, menyerah (patuh)[21]*, ikhlas, taat, penuh rasa cinta (kepada Allah) dan menggemari amal soleh".*[22]

Amal hati terdiri dari iktikad *(keimanan/kepercayaan)* dan niat. Contohnya ialah beriman dengan *tauhid rububiyah, tauhid uluhiyah* serta *tauhid asma, sifat-sifat dan zat.* Ini diperjelas dan dikuatkan lagi melalui qaul Imam Syafie *rahimahullah* yang dikeluarkan oleh Ibn Abdulbar dari Ar-Rabii':

سَمِعْتُ الشَّافِعِيَّ يَقُوْلُ : اَلاِيْمَانُ قَوْلٌ وَعَمَلٌ وَاعْتِقَادٌ بِالْقَلْبِ ، اَلاَ تَرَى قَوْلَ اللهِ تَعَالَى {وَمَاكَانَ اللهُ لِيُضِيْعَ اِيْمَانَكُمْ} يَعْنِي صَلاَتَكُمْ اِلَى بَيْتِ الْمَقْدِسِ ، فَسَمَّى الصَّلاَةَ اِيْمَانًا وَهِيَ قَوْلٌ وَعَمَلٌ وَعَقْدٌ.

"Aku mendengar Syafie berkata: Iman itu perkataan, amal dan iktikad di hati, tidakkah engkau ketahui firman Allah Ta'ala (Dan Allah tidak akan menyia-nyiakan imanmu) iaitu solat kamu semasa menghadap Baitul Makadis. Maka dinamakan sembahyang sebagai iman lantaran ia merupakan ucapan, amal dan iktikad".[23]

Al-Quran telah menjelaskan tentang perkara tersebut:

---

21. Lihat: اعتقاد الائمة الاربعة ابي حنيفة ومالك والشافعي واحمد. Mohd. Abdulrahman al-Khumyis.
22. Lihat: مجمل اصول اهل السنة والجماعة فى العقيدة hlm. 19, Dr. Nasruddin bin Abdul Karim al-'Akal.
23. Lihat: الانتقاء فى فضائل الثلاثة الفقهاء hlm. 81. Ibn Abdilbarr. Darul Kutub. Beirut.

كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللهِ اَنْ تَقُوْلُوْا مَالاَ تَفْعَلُوْنَ.

"Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan".[24]

وَقُلِ اعْمَلُوْا فَسَيَرَى اللهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُوْلُهُ وَالْمُؤْمِنُوْنَ وَسَتُرَدُّوْنَ اِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُوْنَ.

"Dan katakanlah! Beramallah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat amalan kamu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan".[25]

بَلِ اللهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ اَنْ هَدَاكُمْ لِلاِيْمَانِ اِنْ كُنْتُمْ صَدِقِيْنَ.

"Sebenarnya Allah Dialah yang melimpahkan nikmat kepadamu dengan menunjuki kamu kepada keimanan jika kamu adalah orang-orang yang benar".[26]

وَالَّذِيْ جَآءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَقَ بِهِ اُوْلَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُوْنَ.

"Dan orang yang membawa kebenaran (Muhammad) dan yang mempercayai(nya), mereka itulah orang-orang yang bertakwa".[27]

Di dalam kitab sahih Bukhari, telah dikhususkan satu bab bertajuk: *"Sesungguhnya Iman itu ialah amal".*[28] Seterusnya dibawakannya sebuah hadis:

---

24. Ash-Shaff. 61:3.
25. At-Taubah. 9:105.
26. Al-Hujurat. 49:17.
27. Az-Zumar. 39:33.
28. Lihat: فتح الباري ، بشرح صحيح البخارى Jld. 1. Hlm. 60. Dar al-Ihya at-Turath al-Arabi. Lebnon.

عَنْ اَبِي هُرَيْرَةَ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ اَيُّ الْعَمَلِ اَفْضَلُ ؟ فَقَالَ : اِيْمَانٌ بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ.

"Dari Abi Hurairah sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam telah ditanya, apakah amal yang terbaik? Maka baginda menjawab: Beriman kepada Allah dan RasulNya".[29]

Menyempurnakan iman dengan pengucapan, amalan dan dan memahami (rukun, syarat serta tuntutan) kalimah tauhid (kalimah iman) termasuk dalam jumlah amal.[30] Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* yang memerintahkan agar difahami dan dipelajari kalimah tauhid (kalimah iman) sebagaimana firmanNya:

فَاعْلَمْ اَنَّهُ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ.

*"**Maka ketahuilah**, bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan (Yang berhak diibadahi) melainkan Allah dan mohonlah ampunan bagi dosamu".*[31]

Rukun Kalimah Tauhid

Kalimah Tauhid adalah:

لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ

"Tiada tuhan yang berhak diibadahi melainkan Allah".

Adapun rukun kalimah tauhid ialah:

(1). Pertama Penafian: Penafian (نَفْيٌ) dalam kalimah tauhid (لا الـــه الا الله) ialah terdapat pada huruf *"Laa"* (لا) yang dikenali sebagai huruf *"nafyun"*. Iaitu : (لاالــه) memberi maksud: *"Menafikan adanya tuhan atau menafikan semua sembahan yang berhak diibadahi selain Allah".* (لا الــه) ditafsirkan oleh ulama tafsir dan

---

[29]. Ibid.
[30]. Ibid.
[31]. Muhammad. 47:19.

ulama tauhid sebagai (لا معبود بحق) *"Tidak ada tuhan yang berhak diibadahi/disembah".*

(2). Kedua Ithbat: Mengithbatkan dengan huruf (اِلاّ) huruf *"istisna".* Iaitu mengithbatkan bahawa *"Hanya Allah sahaja sebagai Tuhan yang berhak disembah dan diibadahi dengan menafikan selainNya serta menetapkan hak uluhiyah hanya bagi Allah semata".* Pengithbatan (الا الله) *"Mengithbatkan hanya ketuhanan Allah".*

Iman Bertambah Dan Berkurang

Antara dalil-dalil tersebut ialah:

هُوَ الَّذِيْ اَنْزَلَ السَّكِيْنَةَ فِي قُلُوْبِ الْمُؤْمِنِيْنَ لِيَزْدَادُوْا اِيْمَنًا مَّعَ اِيْمَانِهِمْ.

"Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang ada)".[32]

وَاِذَا مَآ اُنْزِلَتْ سُوْرَةٌ فَمِنْهُمْ مَّنْ يَّقُوْلُ اَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ اِيْمَانًا فَاَمَّا الَّذِيْنَ آمَنُوْا فَزَادَتْهُمْ اِيْمَانًا وَّهُمْ يَسْتَبْشِرُوْنَ وَاَمَّاالَّذِيْنَ فِي قُلُوْبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا اِلَى رِجْسِهِمْ وَمَاتُوْا وَهُمْ كَافِرُوْنَ

"Dan apabila diturunkan suatu surat maka di antara mereka (orang-orang munafik) ada yang berkata: Siapakah di antara kamu yang bertambah imannya dengan (turunnya) surat ini? Adapun orang-orang yang beriman maka surat ini menambah imannya, sedang mereka merasa gembira. Adapun orang-orang yang di dalam hati mereka ada penyakit, maka dengan surat itu bertambah kekafirannya (yang telah ada) dan mereka mati dalam keadan kafir".[33]

---

[32]. Al-Fath. 48:4.

[33]. At-Taubah. 9:124-125.

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوْا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى.

"Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambah kepada mereka petunjuk (tambah keimanan mereka)".[34]

وَالَّذِيْنَ اهْتَدَوْا زَادَهُمْ هُدًى وَءَاتَاهُمْ تَقْوَاهُمْ.

"Dan orang-orang yang mendapat petunjuk, Allah menambah petunjuk (iman) mereka dan memberikan kepada mereka (balasan) ketakwaannya".[35]

فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيْمَانًا.

"Oleh kerana itu takutlah kepada mereka maka perkataan itu menambah keimanan mereka".[36]

وَيَزِيْدُ اللهُ الَّذِيْنَ اهْتَدَوْا هُدًى.

"Dan akan menambah petunjuk (keimanan) kepada mereka yang telah mendapat petunjuk".[37]

وَلَمَّا رَءَا الْمُؤْمِنُوْنَ الْأَحْزَابَ قَالُوْا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللهُ وَرَسُوْلُهُ وَصَدَقَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ
وَمَا زَادَهُمْ إِلاَّ إِيْمَانًا وَتَسْلِيْمًا.

"Dan ketika orang-orang mukmin melihat golongan-golongan yang bersekutu itu, mereka berkata: Inilah yang dijanjikan Allah dan RasulNya kepada kita. Dan benarlah Allah dan RasulNya. Dan yang demikian itu tidaklah menambah kepada mereka kecuali iman dan kedudukan".[38]

---

34. Al-Kahfi. 18:13.
35. Muhammad. 47:17.
36. Ali Imran. 3:173.
37. Maryam. 19:76.
38. Al-Ahzab. 33:22.

Terdapat dalil-dalil menerangkan tentang bertambah atau berkurangnya iman Allah *'Azza wa-Jalla* berfirman:

عَنْ اَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اَلاِيْمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُوْنَ شُعْبَةً ، فَافْضَلُهَا قَوْلُ لاَاِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاَدْنَاهَا اِمَاطَةُ اْلاَذَى عَنِ الطَّرِيْقِ وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الاِيْمَانِ.

"Dari Abi Hurairah berkata: Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Iman itu beberapa tingkatan dan sehingga tujuh puluh tingkatan, yang paling mulia ucapan (لا الــه الا الله)*. "Tidak ada tuhan yang diibadahi dengan hak kecuali Allah" dan yang serendah-rendahnya ialah membuang sesuatu yang membahayakan dari jalanan, dan malu itu sebahagian dari iman".*[39]

عَنْ اَبِيْ سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : مَنْ رَاَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ ، فَاِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ ، فَاِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ اَضْعَفُ اْلاِيْمَانِ.

"Dari Sa'ied al-Khudri radiallahu 'anhu berkata: Telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Sesiapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, maka jika sekiranya tidak berdaya, maka (ubahlah) dengan lidahnya dan jika tidak berdaya, maka ubahlah dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman".[40]

Menurut fatwa Imam Syafie *rahimahullah*, dikeluarkan oleh Al-Baihaqi dari Ar-Rabii' bin Sulaiman, beliau menegaskan bahawa iman itu perkataan dan perbuatan, berkurang (lemah) dan bertambah. Sebagaimana penjelasan beliau:

---

[39]. H/R Bukhari dalam "Al-Iman". (1/8). Muslim. Al-Iman, bab 12. (1/63).

[40]. H/R Muslim dalam "Al-Iman". bab 20. (1/69). Dan lihat: hlm. 83.

سَمِعْتُ الشَّافِعِي يَقُوْلُ : اَلاِيْمَانُ قَوْلٌ وَعَمَلٌ يَزِيْدُ وَيَنْقُصُ.

"Aku telah mendengar Syafie berkata: Iman itu perkataan (ucapan/pengakuan), beramal (amalan) dan iman itu bertambah dan berkurang".[41]

Abu **Abdullah** Sufyan bin Sa'ed Ath-Thauri *radiallahu 'anhu* menjelaskan:

عَنْ اَبِيْ عَبْدِ اللهِ سُفْيَانِ بْنِ سَعِيْدِ الثَّوْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : اَلاِيْمَانُ قَوْلٌ وَعَمَلٌ وَنِيَّةٌ ، يَزِيْدُ وَيَنْقُصُ ، يَزِيْدُ بَالطَّاعَةِ وَيَنْقُصُ بَالْمَعْصِيَّةِ.

"Dari Abi Abdullah Sufyan bin Sa'ed Ath-Thauri: Iman itu berupa perkataan (ucapan), amalan dan niat, bertambah dan berkurangan. Ia bertambah dengan ketaatan dan berkurangan disebabkan maksiat".[42]

Dikeluarkan oleh **Al-Baihaqi dari** Abi Muhammad Az-Zabiri berkata:

"Berkata seorang lelaki kepada Syafie: Apakah amal yang afdal di sisi Allah? Berkata Syafie: Apa saja amal yang tidak akan diterima kecuali dengannya. Lelaki itu bertanya: Apakah itu? Beliau berkata: Iman kepada Allah yang tidak ada Tuhan kecuali Dia. Dengannya segala amal diangkat darjatnya, dimuliakan kedudukannya. Berkata lelaki itu lagi: Tidakkah engkau mahu mengkhabarkan kepadaku tentang iman, apakah ia perkataan dan amal atau perkataan tanpa amal? Syafie berkata: Iman ialah beramal kerana Allah dan ucapan setelah melaksanakan amal tersebut. Berkata lelaki itu: Sifatkan kepadaku itu semua sehingga aku faham. Berkata Syafie: Sesungguhnya Iman itu berada dibeberapa darajat dan tingkatan, antaranya ada yang benar-benar sempurna dan ada yang berkurangan sehingga jelas kekurangannya. Berkata lelaki tersebut: Iman (ada kalanya Pent.) tidak sempurna, berkurangan dan bertambah? Berkata Imam syafie: Ya betul".[43]

---

[41]. Lihat: مناقب الشافعي للبيهقي ، تحقيق احمد صقر. hlm. 387. jld. 1.

[42]. Lihat: شرح اصول اعتقاد اهل السنة والجماعة Jld. 1. Hlm. 170. Al-Lalakaii

[43]. Lihat: اعتقاد الأئمة الأربعة ابي حنيفة ومالك والشافعي واحمد hlm. 52. Muhammad Abdulrahman al-Khyumis.

Iman adalah asas agama. Tidak dianggap beragama bagi sesiapa yang tidak beriman dan ingkar untuk melaksanakan segala amal yang dituntut oleh keimanannya. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda dari riwayat Wafdi Abdul Qais:

آمُرُكُمْ بِالْإِيْمَانِ بِاللهِ وَحْدَهُ قَالَ : اَتَدْرُوْنَ مَاالْاِيْمَانُ بِاللهِ وَحْدَهُ ؟ قَالُوْا : اَللّٰهُ وَرَسُوْلُهُ اَعْلَمُ . قَالَ : شَهَادَةُ اَنْ لَااِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ وَاِقَامُ الصَّلَاةِ وَاِيْتَاءُ الزَّكَاةِ وَاَنْ تُؤَدُّوْا مِنَ الْمَغْنَمِ الْخُمُسِ.

"Aku perintahkan kamu hanya beriman kepada Allah sahaja. Rasulullah seterusnya bersabda: Tahukah kamu apa makna beriman kepada Allah yang satu? Mereka menjawab: Allah dan RasulNya yang lebih tahu. Baginda bersabda lagi: Syahadatu an laa ilaaha illallah, wa anna Muhammadan rasulullah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan menunaikan seperlima harta ghanimah".